

Muzik Intidiri: Ekspresi Komunikasi Manusia Dengan al-Khalik

Zaleha Ahmat

PENDAHULUAN

BUDAYA globalisasi masa ini sepatutnya meletakkan manusia bersatu walaupun pada konsep masing-masing yang berbeza-beza. Sangat sukar untuk mendapatkan keseragaman daripada pelbagai budaya tetapi aneka ragam itulah yang paling penting diangkat sebagai nilai istimewa kemanusiaan sejagat sesama manusia. Justeru itu, manusia perlu mengabadikan hubungan dengan cara paling halus, paling nyata pada sistem kehidupan dan makna bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham akibat pelbagai fahaman dan anutan budaya.

Komunikasi yang semakin melebar tidak harus dilihat sebagai satu jurang memisahkan hubungan ataupun bentuk peluasan tanpa sempadan. Jaringan komunikasi yang kian luas harus diabadikan pada niat paling awal manusia di dalam menjalinkan hubungan – mencari pengertian dan makna yang sama di dalam hidup mereka. Hal ini seterusnya akan menuntut perkongsian yang menyatukan manusia dalam kehidupan yang sempurna pada idealisme masing-masing.

Mengisi makna kehidupan di dalam satu bentuk yang sempurna harus memperlihatkan bahawa sesuatu perhubungan lahir daripada satu komunikasi itu ada terjalin dengan saling keberuntungan kepada pihak-pihak yang terlibat. Negara dengan negara, kelompok masyarakat dengan satu etnik bangsa, strata sosial paling tinggi kepada mereka dengan usia paling muda atau sesiapa dengan apa sahaja. Komunikasi tidak hanya berlangsung pada pengertian dan definisi yang konservatif semata. Komunikasi seringkali diberi makna

sesuatu yang bergerak daripada komunikan kepada recipient berbekalkan satu isi pesan. Itu tanggapan lama yang sepatutnya terkeluar daripada keseluruhan hal kemanusiaan sendiri dan bukan hanya ditolak daripada makna komunikasi; semasa dan sejagat.

Siapa yang membentuk komunikasi kalau bukan manusia sendiri dan pendamping serta yang didampinginya. Siapa yang menentukan hala tuju makna komunikasi itu kalau bukan manusia kita dan mereka. Tetapi untuk memberi label kepada manusia kita dan mereka itu, ia sudah menjangkau kepada satu konseptual manusia dan kemanusiaan yang lebih luas. Kerana itu perlu diingatkan semula bahawa sistem komunikasi itu bukan lagi bertitik kepada bahan asasnya; siapa kepada siapa, apa yang mahu dibawa dan beberapa hal lain yang berkaitan seperti saluran, bahan saluran dan sebagainya. Seluas-luas jarak komunikasi manusia kita dan mereka sehingga menerobos langit terbuka zaman teknologi pasca modenisme ini, manusia paling jauh dan paling dekat dalam jarak dan ruang waktu sebenarnya berkomunikasi dengan dirinya sendiri; setelah meneliti kehendak akal dan hati masing-masing.

Menuntun kehidupan, manusia bertindak balas sejajar keperluan diri. Umumnya, manusia mahu mengaku bahawa apa yang difikirkan dan dilakukan untuk dirinya dan untuk pihak lain adalah atas konsep altruisme, keperwiraan untuk jagatraya. Komunikasi bertimbal balas dalam ruang seluruh dunia ekonomi, politik dan sosial mereka dengan gamitan untuk mengangkat darjat kemanusiaan lebih tinggi daripada makhluk lain. Tetapi di dalam seringkali itu, manusia lupa komunikasi diri pada peringkat yang pertama harus berlangsung dalam dirinya. Betapa jauh mereka menerawang alam kehidupan atas nama materi dan keduniaan, manusia alpa bahawa ada satu lagi aspek komunikasi yang tertinggal. Ia bukan setakat jarak jangkauan yang lebih luas atau bersifat personal dengan personal tetapi hubungan yang hak dengan al Khalik.

Batas komunikasi seharusnya menjangkau pengertian yang lebih kudus. Ini bertolak daripada intidiri pada dua tempat dalam diri manusia; akal dan hati. Kedua-duanya merangsang manusia untuk kenal mengenali antara satu sama lain. Firman Allah SWT (49:3):

Hai manusia, sesungguhnya Aku telah jadikan kamu dari laki-laki dan perempuan; dan Aku telah jadikan kamu beberapa bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan; Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah yang berbuat kebajikan dari antara kamu; Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui, Yang Sedar.

Daripada kedua-dua tempat tersebutlah, akal dan hati; letusan-letusan idea pesanan lahir di dalam seluruh sistem komunikasi. Ada komunikan dan *recipient*, tanpa bahan penting iaitu pesan, maka keseluruhan komunikasi tidak akan terjadi. Di sinilah pentingnya fungsi pesan atau mesej kerana hanya mesej yang bersatu sahaja akan dapat membantu menyempurnakan hidup manusia, sebagaimana sempurnanya manusia itu sendiri sebagai makhluk istimewa ciptaan Tuhan Maha Kuasa.

Siapa yang mencetuskan dan meletakkan akal dan hati (kalbu) sebagai inti untuk letusan idea manusia berinteraksi kalau bukan Maha Pencipta. Sangat halus dan murni anugerah inti diri ini. Bertolak dari konsep penciptaan inilah, manusia berdiri antara dirinya sebagai individu dan manusia lain. Konsep pendirian (diri) manusia ini, baik daripada satu jiwa kepada seluruh kehidupannya dipayungi oleh satu kuasa mutlak, Allah SWT.

EKSPRESI KOMUNIKASI

Komunikasi yang paling jujur melihat kepada ekspresi yang terbit dari hati nurani pada cara paling halus; menyentuh. Kehalusan adalah sesuatu yang amat seni. Seni yang paling unggul pada kepada manusia dan alam kehidupannya ialah seni yang mampu berkomunikasi dalam cara paling tulus mulus dan sangat kudus. Kejujuran yang lahir daripada ekspresi tersebut membuat manusia memahami apa yang dicari; apa yang diberi. Sekiranya tidak mahu untuk memahami, menganalisis dan seterusnya memberi timbal balas yang diingini, komunikasi hanya kekal dan tinggal sebagai dinding yang dingin, mampu berdiri dengan gagah tetapi tetap dan tidak berubah.

Ekspresi keluar dari jiwa yang bertanya; soalan-soalan muncul kepada apa, siapa, di mana, mengapa dan bagaimana. Ini bererti bahawa soalan itu muncul apabila ada jiwa yang mencari. Bertolak daripada itu, komunikasi membantu peluahan rasa jiwa manusia. Dan untuk melengkapkan seluruh proses luahan rasa jiwa itu, komunikasi harus bertindak menjangkau jawapan dan makna apa yang dicari manusia sebenarnya.

Perluahan akal rasa dan akal fikir manusia tercatat di dalam pelbagai wadah. Jiwa yang mudah tersentuh akan melahirkan seribu ungkapan rasa dan kata-kata. Tetapi dalam melihat ungkapan-ungkapan ini, apa yang tersentuh dahulu kalau bukan emosi, dan kemudiannya dipanjangkan kepada fikir iaitu nilai intelektual. Fitrah manusia meletakkan keresahan dan getar jiwa menusuk terus ke dalam kalbu rasa. Bagaimanapun wadah ekspresi akan tumpul dan hambar tanpa pemahaman akal minda.

Di dalam wacana sastera, sentuhan rasa akan terungkap apabila ada prosa-prosa indah. Lukisan memerlukan pengamatan dan pengertian tema dan makna. Satu-satunya wadah yang dianggap unggul kerana mampu singgah terus ke dalam hati manusia pada saat ia terdetik ialah muzik dengan hubungan intim manusia sebagai satu seni ekspresi.

MUZIK SEBAGAI EKSPRESI KOMUNIKASI

Kata tutur bersifat monotone akan membosankan. Apabila kebosanan timbul, hidup menjadi tawar. Bacaan syair atau nyanyian ghazal akan hambar tanpa penghayatan perasaan yang bergetar dalam irama selari degup jantung dan denyut nadi. Bunyi alam; ombak, kicau burung, deru angin mencelah bukit dan lembah akan menjadi sumbang sekiranya tidak berlangung dalam detik yang bersilih ganti. Perkara yang sumbang tidak akan mencetus harmoni. Dan untuk melengkapkan kesempurnaan hidup, harmoni harus muncul dalam setiap irama yang muncul di mayapada ini.

Merujuk kepada suara dan nada, sekaligus melihat kepada hal bunyi. Namun apakah hal yang membezakan bunyi dengan muzik? Paling utama, muzik mengangkat makna harmoni. Muzik memerlukan hubungan langsung dengan jiwa dalam diri manusia yang menikmatinya. Muzik tidak sekadar bunyi ombak memukul pantai. Ia adalah ombak, pantai serta ruang dan waktu antara keduanya. Muzik bersatu dengan segala elemen yang mencetuskannya; alam, manusia dan yang paling penting Maha Pencipta yang memberi peluang muzik itu berlegar dalam ruang waktunya yang tersendiri.

Nilai instrumen sangat penting dalam menyumbangkan kesempurnaan kepada seni muzik. Apabila burung menyanyi di waktu pagi, suasana ceria dengan matahari mula memancar adalah nilai instrumen kepada suasana tersebut. Inilah yang melengkapkan suasana pagi itu sebagai satu bentuk muzik kepada manusia dan hari yang dilaluinya. Keindahan seni muzik itu tidak hanya bertindak atas nama satu-satu bahagian semata tetapi melihat keseluruhan proses ciptabinyanya. Secara langsung dan tidak langsung, terpapar hubungan manusia dan alam ciptaan Tuhan Maha Esa.

Muzik secara umum didefinisikan sebagai hasil ekspresi mainan perasaan yang wujud hasil bunyi-bunyian alatan (instrument), secara solo atau gabungan yang melahirkan nada, irama dan lagu. (Engku Ibrahim Ismail:1992). Pada konsep yang lebih luas, mengungkap asal usul; muzik adalah daripada penjelmaan, peniruan manusia yang lahir dari dalam diri; daripada alam keliling yang menjadi pendamping dan yang didampinginya. *Music is not an invention, it is natural* (W. D Allen: 1962). Keluarlah apa sahaja pernyataan dari latar kuno mahupun kepada zaman pasca modernisme yang cuba menafikan muzik dengan diri manusia, hanya satu sahaja kebenaran yang nyata; muzik adalah anugerah hak Maha Pencipta kepada makhluk ciptaan-Nya.

Sebagai satu aspek luahan rasa, seni muzik sangat akrab dengan manusia. Malah pada ketika-ketika tertentu, kedua-duanya akan menjadi satu. Muzik lahir sebagai ekspresi yang memuncakkan emosi di dalam kesedihan dan kegembiraan. Di dalam kebanyakan masyarakat dunia, daripada zaman primitif sehingga memasuki alaf baru ini, muzik sering bertindak sebagai penglipur lara. Ada muzik yang bercerita mengenai kebahagiaan yang bakal ditempuhi manusia dengan lagu-lagu ucap selamat dan riang ria tandak joget berirama. Ada muzik yang bertindak sebagai pelengkap ritual-ritual adat resam budaya dan agama. Malah kepentingan muzik itu terus hidup sebermula hari pertama manusia melihat dunia sehinggalah saat ia diusung ke perkuburan.

Ekspresi muzik sebenarnya mampu menjangkau pada tahap kehidupan sejagat dan tidak semata-mata bertolak kepada suku bangsa, pegangan hidup tertentu. Muzik kepada Ibnu Sina, adalah perisa kepada jiwa. Yehudi Menuhin, pemain biola terkenal dari Barat mengatakan; perkongsian dunia muzik adalah jaminan terbaik keamanan jagat raya. Begitu juga dengan pandangan Meyer, seorang sarjana yang melihat muzik sebagai ekspresi sejagat, terutama pada bentuk muzik *cross culture* dengan mengatakan (lihat Robert Fink, 1981):

But different musical languages may also have certain sounds in common. Certain musical relationships appear to be well-nigh universal... the latest example...of Ravi Shankar music. Even if his music is not completely understood, it must communicate something.

Muzik tidak perlu berlangsung dengan kata-kata. Pemain muzik, khalayak yang mendengar mendapat nikmat dengan satu mesej yang tersendiri. Cuma yang menghayati sahaja yang akan merasakan keindahan nikmat tersebut dan lalu mencari makna indah dan rahmat nikmat kepada dirinya.

Satu transkrip kelahiran Buddha yang tercatat di dinding sebuah wat Buddha di Kelantan menampilkan bagaimana muzik terungkap sebagai komunikasi diri paling sempurna. Ketika Siddharta, sang putera mencari makna diri dan diam bertapa dalam keadaan fizikal paling ekstrim miskin, rohani dan material, ada utusan dewa yang datang sambil memainkan satu alunan muzik yang sederhana (*a medium tune*). Makna langsung daripada itu, di dalam kehidupan, tidak perlu ada ekstrim bila mengangkat sesuatu sifat amat tinggi, sehinggakan sekali jatuh akan menbinasakannya. Dalam keyakinan sebagai manusia Islam sendiri, hidup itu mestilah dilalui pada jalan yang penuh kesederhanaan.

Namun, begitulah kesederhanaan seni muzik itu sebagai ekspresi jiwa dan seluruh diri manusia masih pada tahap yang unggul kerana pesan yang dibawa bersatu di akal dan hati. Sederhana tidak semestinya wujud kekurangan di sana sini. Pentingnya, sederhana itu seharusnya saling melengkapi. Maka terungkaplah seni muzik yang halus itu sebagai pelengkap hidup manusia waktu-waktu kesedihan, kemarahan, kesakitan, kegembiraan dan rasa amat terharu itu. Muzik itu bukan sekadar sub budaya. Ia adalah peluahan rasa, akal, jasad dan jiwa. Muzik adalah manusia.

SENI MUZIK DI DALAM ISLAM

Pencarian identiti dalam dunia waktu ini ataupun menerawang waktu lampau harus menyingkap segala aspek budaya bagi mengisi makna di dalam kehidupan. Konsep budaya tidak harus lagi melihat semata-mata pada satu kelompok manusia dengan ritual-ritual sehari-hari yang biasa dalam satu jangka masa. Justeru itu, amat sukar untuk mengenali diri walaupun tahu akar umbi bangsa dan pegangan agama kerana kadang-kadang di dalam kehidupan manusia menjalani budayanya, ia sering terlupa siapa dirinya sendiri.

Di dalam mencari pancaran kebenaran proses mengenali diri, banyak aspek yang perlu dilihat sebagai alat bantu untuk manusia sedar akan hakikat kejadian dirinya. Hal ini tidak hanya terpapar secara materi sahaja tetapi hingga pada nilai paling kecil dalam diri manusia, iaitu sentuhan inteletiknya dan pancaran hati nurani. Dan menjadi fitrah manusia untuk melihat sesuatu berdasarkan kecenderungan yang ada pada diri. Yang nyata, ia melihat kepada hal yang seni, kehalusan ciptaan Tuhan Maha Esa kepada makhluk istimewa ciptaan-Nya.

Manusia Islam lahir dengan alunan suara azan atau qamat ke pendengarannya. Selain daripada menanamkan keyakinan peringkat awal pada usia amat muda, ia adalah sebahagian kurnia nada indah dalam diri manusia baru itu. Azan dan qamat itu sendiri tidak dilagukan dalam rentak satu nada tetapi menurut keindahan dan kekuatan makna yang ada pada kalimah-kalimahnyanya.

Bermulalah kehidupan manusia Islam itu dengan suatu seni halus murni yang akan meresap dalam diri. Dan seharusnya ia akan menambah rasa takwa dan keimanan kepada Tuhan Maha Pencipta apabila sang bayi mengisi makna remaja, dewasa dan tuanya kelak.

Manusia dijadikan Tuhan dengan dua tanggungjawab besar. Mereka bertindak pada dua fungsi sebagai makhluk ciptaan Allah SWT paling istimewa. Dalam firman Allah SWT(51:56): Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu selain daripada untuk beribadah kepadaKu

Dalam segala aspek hidup dan kehidupan manusia, segala yang dilakukan bertolak dari nilai diri manusia sebagai abdi dan khalifah dengan amanah Allah. Dan dalam menyatukan hubungan ini, muzik sebagai seni istimewa anugerah Tuhan seharusnya mampu mengisi sebagai salah satu wahana.

Muzik di dalam Islam tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang memesongkan malah perlu dikaji pada hikmah yang terdapat padanya. Seni ini juga perlu dilihat di dalam bentuk kewajarannya dan fungsinya yang tertentu. Selama ini seni muzik dilihat kepada kecenderungan aspek hiburan semata-mata. Ia sebenarnya perlu dimartabatkan sebagai wadah ilmu secara halus daripada Allah SWT. Muzik mampu bertindak mengembangkan akal fikir untuk mencetus dan mencari persoalan-persoalan mengenai kehidupan manusia dan kebesaran Allah Maha Pencipta. Inilah yang perlu dilihat pada keindahannya berfungsi sebagai hubungan ilmiah manusia dengan al Khalik.

Dengan keindahan yang tercipta pada seni itu sendiri, jiwa akan tersentuh dan menginsafi akan kekuasaan Allah Maha Esa. Siapakah yang mencetuskan ilham dan rasa halus pada pemuzik dan pencipta lagu sehingga mampu menghasilkan keindahan yang sedemikian? Dalam muzik, jawapan siapakah yang memberi anugerah ilham dan kehalusan jiwa itulah yang paling utama untuk dilihat, bukan kepada perkara material yang berkait dengan muzik dan persembahan muzik itu sendiri, apatah lagi apabila dirujuk sebagai unsur hiburan semata-mata.

Ada beberapa perkara yang disyaratkan untuk membatasi hal seni muzik ini. Ini adalah kerana manusia sering lupa apabila berada didalam keasyikannya pada perkara-perkara yang menyenangkan hatinya. Apabila muzik dilihat sebagai satu unsur hiburan dengan ranting-ranting kemaksiatan tanpa melihatnya sebagai keindahan anugerah Allah SWT, dengan sendirinya ia menjadi haram. Apalagi di dalam dunia menuju pasca modenisme ini, materi dianggap pengukur segala-galanya sedangkan niat dan hal-hal kebajikan itu jatuh pada tahap paling rendah. Selagi hal ini berlaku, selagi manusia semakin lupa mengenai hal muzik itu sebagai kurniaan Allah SWT, selagi itulah muzik menjadi keindahan

yang sia-sia. Kalau seharusnya muzik itu anugerah Allah, manusia yang lalai itu menganggap bahawa dialah yang berusaha mencipta lagu dan muzik yang dibawanya. Maka hubungan langsung melalui ekspresi seni ini di antara makhluk dengan Penciptanya sudah tiada lagi. Dengan sendirinya kasih sayang akan lenyap pada diri manusia tadi kerana merasakan dirinya sudah terlalu tinggi.

Al Ghazali mengklasifikasikan seni muzik di dalam Islam itu sebagai seni yang antara keutamaannya memperihalkan keagungan sifat-sifat Tuhan, memuji dan mentahmidkan kebesaran-Nya. Malah lagu dan muzik yang baik seharusnya mendekatkan manusia dengan Tuhan, bukannya melalaikan.

Al Kindi ketika mempraktikkan muzik sebagai bahan penyembuhan penyakit jiwa merujuk seni muzik itu sebagai empat unsur alam; tanah, air, api dan angin. Adunan empat unsur alam ini mewujudkan satu irama harmoni yang mencetuskan pertumbuhan rohani yang sihat. Analogi nada muzik dengan empat unsur ini sesungguhnya memberi bukti mengenai kekuasaan Allah SWT. Tercipta empat unsur berbeza dan beraneka ini mampu melahirkan rahmat dan hikmah tersendiri. Di situlah harus dilihat fungsi seni muzik yang lebih jelas di dalam Islam.

Kaitan seni muzik dengan ilmu kejiwaan iaitu aspek rohani manusia mengangkat martabat indah dan halusnya seni ini. Segala-galanya bertolak dari kuasa Maha Pencipta kerana; Sesungguhnya Allah itu indah dan mencintai keindahan. (Engku Ibrahim Ismail: 1992).

Muzik sebagai pengungkap erti indah di dalam Islam itu sendiri mempunyai erti yang sangat tersendiri. Perjalanan mencari makna hubungan manusia dan Tuhan adalah kembara yang sangat indah lintas jarak waktunya bagi seorang musafir yang insaf diri. Di kalangan ahli sufi, konsep mendengar dan menghayati (*as-sama'*) serta memahami hakikat ketuhanan dengan unsur-unsur zat Tuhan di dalam muzik mampu mengangkat tingkat ekspresi jiwa. Kerana itu salah satu alat muzik tradisi sufi, *ney* (sejenis seruling) ditafsirkan sebagai penonton manusia ini mencari erti cinta kepada Allah SWT daripada irama yang terhasil daripada paduan antara roh tubuh manusia dan sifat materi dan rohani *ney* itu sendiri.

Para ilmuan Islam seperti Al Farabi, Ibn Sina, al Kindi dan Ibn Masud adalah antara contoh paling baik untuk melihat penghayatan seni muzik dengan manusia-manusia yang secara peribadi mereka sangat tinggi ketaatan dan keabadian terhadap Allah SWT. Pada satu aspek, mereka menghargai dan menilai secara halus ilham pemberian istimewa ini daripada Maha Pencipta. Keindahan dan kehalusan seni muzik di dalam jiwa mereka diangkat sebagai rasa syukur dan tawaduk kepada Allah SWT.

MUZIK INTIDIRI: CINTA KEPADA YANG DICINTAI

Al Ghazali dalam memperkatakan keindahan melihat keindahan hanya akan dinikmati apabila ada rasa cinta terhadap apa yang dihadapinya. (Amida @ Hamidah Abdulhamid).

Situasi ini mencipta satu bentuk pengertian dua pihak, merujuk kepada satu komunikasi dengan cinta sebagai pesannya. Tetapi bagaimana mahu mencetuskan perasaan cinta pada penikmatan terhadap apa dan oleh siapa. Justeru itu, cinta sebagai inti itu perlu wujud dan mendominasi tiga hal tersebut.

Menurut seorang pemuzik berpengalaman dari Iran yang banyak memainkan muzik tradisi Parsi; *everything must come from the heart*. Muzik yang indah terpancar dari hati manusia yang cintakan Tuhan kerana memberikan perasaan yang sangat indah kepadanya untuk melangsungkan permainan muziknya.[1] Seni yang indah seperti muzik bukan sekadar satu sifat, malah ia menjurus kepada definisi yang lebih luas, lebih dalam dan tulus serta murni (*pure*). Ia akan dinikmati oleh rohani yang mempunyai pengertian diri yang sama kata sifatnya seperti muzik itu sendiri.

Bercinta dengan muzik adalah satu detik aneh yang sangat menakjubkan. Mereka yang mengerti kadangkala tidak mampu untuk menafsirkan rahsia diri yang terungkap apabila mereka berkomunikasi melalui muzik. Kalau diberi ekspresi makna dengan kata-kata, muzik itu seperti langit biru, ingin dicapai tapi tidak akan sampai.[2] Nada kudus yang timbul dari murninya seni ini sebenarnya mampu memungghah kerinduan pada sesuatu yang dicari. Dalam diri manusia, kerana fitrah kejadiannya yang istimewa, cinta kasih sayang adalah inti paling utama. Cinta inilah yang menggerakkan segala-galanya. Cinta menjadi bukti hakikat akan hubungan kasih sayang Maha Pencipta, Allah SWT kepada makhluk ciptaan-Nya.


Seni muzik mencetuskan nilai yang sangat berpengaruh kepada diri manusia. Keunggulannya mampu merapati dan mengisi jiwa yang mencari-cari. Tetapi bagaimanakah pengisian ini harus dilihat kewajarannya. Segalanya bertolak dari kuasa Maha Esa yang menciptakan makhluk itu sendiri. Cinta Allah SWT kepada manusia dengan ganjaran yang amat besar seperti yang dijanjikan-Nya. Manusia yang tahu menghargai dengan rahmat kasih sayang al-Khalik ini akan merasa bahawa kehidupan yang dianugerahkan kepadanya adalah satu peluang yang sangat istimewa.

Dalam dua kondisi cinta yang berbeza, tetapi dalam satu makna yang sama, seorang pemuzik gambus dari Sumatera pernah mengungkap akan hal cinta istimewa yang lahir melalui muzik. Katanya; ada dua perkara yang akan membuatkan beliau mengalirkan air mata, suara ibunya dan apabila mendengar muzik yang menyentuh.[3] Itu dua konsep cinta yang membawa kepada pengertian besarnya kekuasaan Allah Maha Esa. Sedangkan selama ini, syurga itu dikatakan di bawah telapak kaki ibu. Dan perasaan rindu yang tercetus apabila menghayati muzik itu membawa kepada bertambah yakin manusia akan cintanya kepada Allah SWT. Ketakwaan manusia akan bertambah kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Konsep muzik yang mampu menyentuh intidiri itu sebenarnya adalah penghasilan dari jiwa yang ketaatannya pada satu hubungan yang jujur. Muzik yang tercipta adalah semata-mata nyanyian rindu kepada Allah SWT. Segala hal yang diperkatakan secara muzik

semata, bersama nyanyian dan lagu adalah untuk menyatakan suara jiwa kepada al-Khalik. Segala-galanya adalah bagaikan pengaduan rasa dan ucap syukur akan keindahan yang diciptakanNya kepada diri manusia.

Untuk mencari bentuk muzik yang tertentu untuk dikatakan sebagai muzik intidiri itu adalah sangat sukar. Secara universal, ia tidak dilingkungi oleh sempadan-sempadan tertentu. Seperti komunikasi, ia harus menuju pada satu hal yang sangat penting, komunikator, recipient dan pesan itu sendiri. Contohnya, kalau muzik Islam itu dikatakan dan dirujuk kepada muzik Arab, itu adalah semata-mata atas nama egoisme bangsa sedangkan Islam itu ada di mana-mana. Pengaruh itu memang ada tetapi untuk menemui muzik intidiri sebenarnya tidak melihat kepada bangsa dan negara. Muzik intidiri bertindak dalam dua hala. Allah SWT - indah - manusia, berhubung secara;



Allah SWT - anugerah seni muzik - manusia -
manusia - apresiasi seni muzik - keindahan Allah SWT.

Sesungguhnya ia mencerminkan dengan jelas kedudukan manusia dalam hubungan anugerah lain daripada Maha Pencipta. Keindahan kurniaan Tuhan kepada manusia dan keindahan ke dalam diri manusia itu sendiri. Mereka yang mencari akan menjumpai apa yang diinginkan kerana Allah itu Maha Mengasihani. Paling utama, inti konsep muzik sebegini adalah satu bentuk pencari makna hubungan akrab dengan Allah SWT oleh manusia. Secara tidak langsung, kedudukannya sebagai abdi dan khalifah dalam konteks keinsanan itu menjadi lebih jelas pada pandangan diri manusia itu sendiri

Konsep muzik intidiri selain melihat kepada apa yang telah diperkatakan di atas sebenarnya melihat kepada kebesaran Allah SWT semata-mata. Tidak lain dan tidak bukan, apa yang cuba dilihat ialah bahawa ilham yang ada untuk mencetuskan muzik itu hak Allah SWT, begitu juga dengan diri manusia yang menggunakannya, pendamping dan yang mendampinginya. Kesemuanya milik kekal Allah SWT. Manusia cuma dipinjamkan akan anugerah ini, maka secara timbalbalas, segalanya harus dipulangkan kembali. Dari Allah kita datang kepada Allah kita akan kembali. Dan pemulangan kepada yang Hak itu itu diberikan peluang untuk dilangsungkan dalam proses yang sangat berseni. Bukan sahaja kepada seni muzik tetapi juga diri manusia itu sendiri.

GHAZAL

Meminjam perkataan Arab, ghazal membawa definisi puisi kasih. Puisi ini secara literalnya merujuk kepada wadah suara hati hati yang meresik, mendayu-dayu; menceritakan hasrat hati yang terpendam, kepada yang dikasihi, yang tidak mampu diluahkan dengan kata-kata biasa. Apabila melihat dari konsep seni muzik, ia melihat kepada cinta yang amat mendalam kepada Pencipta yang menghasilkan perasaan rindu yang indah itu, iaitu Allah SWT. Sehingga pada satu detik menghayati, kerinduan yang tercipta melalui ghazal, baik dalam bentuk puisi, atau yang dilagukan bersama bentuk muziknya yang tersendiri, hanya al Khalik jua yang mampu mengerti butir bicara nyanyian rindu itu.

Sebelum kedatangan Islam yang memberikan pengaruh istimewa kepada seni ghazal, penyair-penyair Arab sudah mahir dengan bentuk puisi tersebut. Kebanyakan ghazal yang tercipta ketika itu sebagai genre puisi syair, berintikan cinta kasih sayang dan mengenai hal-hal berkaitan dengan kehidupan manusia. Malah apabila ghazal mula dilagukan dan disertai irama muzik, ia dianggap antara hiburan yang sangat popular sehinggalah waktu penyebaran Islam di Tanah Arab. Menurut Henry G. Farmer (1967),

“...there is the story of A’isha who took one of the Ansar his bride. When she returns, Muhammad said to her, ...did you not send someone who could sing? ... Surely you knew that the Ansar are people who delight in the ghazal (love song).”

Walaupun berakar umbi daripada perkataan Arab, ghazal secara tersendiri telah menjadi satu perkataan umum kepada satu bentuk puisi yang kemudiannya mengalami improvisasi yang sangat besar dengan wujudnya bentuk-bentuk muzik ghazal yang tersendiri. Di Turki, ghazal (*gazel*) adalah satu bentuk nyanyian yang memuji kebesaran Allah SWT, keindahan alam dan wanita. Di dalam budaya Parsi (Iran), ghazal merupakan satu seni ekspresi emosi kerinduan manusia; dengan isi cinta terhadap wanita atau kerinduan untuk menjadi akrab dengan Maha Pencipta. Parsi juga sangat terkenal dengan manusia-manusia pujangga sufinya yang menggunakan ghazal sebagai wadah untuk mereka mengungkap ilmu dan pengalaman yang diperolehi. Ghazal di India dan Pakistan lebih ketara sebagai puisi bahasa Urdu yang dilagukan dengan iringan tabla dan harmonium dan beberapa alat muzik tradisi lain seperti sarangi dan sitar.

Di negara kita, seni lagu ghazal turut popular dengan merujuk kepada dua bentuk yang biasa didapati iaitu ghazal Melayu Johor dan ghazal parti yang terdapat di negeri-negeri utara Semenanjung seperti di Kedah dan Utara Perak. Kalau ghazal Melayu Johor dikatakan menerima pengaruh besar daripada seni ghazal India, bentuk muzik dan nyanyian ghazal dari utara Semenanjung lebih cenderung pada bentuk dan irama padang pasir. Kebanyakan lagu-lagu yang dinyanyikan adalah dalam bentuk nyanyian qasidah.

Selain daripada yang tersebut di atas, seni muzik dan nyanyian ghazal juga melebar ke beberapa negara lain atas pengaruh Islam itu sendiri. Antara negara-negara Asia lain di mana ghazal turut menjadi seni tradisi ialah di Iraq dan Indonesia.

Mencari makna intidiri di dalam lagu dan muzik ghazal adalah sangat sukar sekiranya penghayatan terhadapnya bersifat hiburan semata-mata. Kalau dilihat pada peringkat awal pembinaan ghazal sebagai genre puisi, penyusunan bahasa dan pemilihan kata-katanya sangat dititikberatkan sehingga ghazal dimartabatkan sebagai seni sastera yang sangat indah ciptabinanya. Sejak berkurun-kurun sebelum kelahiran Islam di Tanah Arab, puisi ghazal memang sudah disanjung tinggi apatah lagi penyair-penyair yang melahirkan karya ini dianggap penghikayat terhormat kabilah-kabilah tertentu.

Apabila puisi ghazal dilagukan beserta iringan alat-alat muzik, ia berubah menjadi satu kesenian yang berbeza. Muzik iringan dan cara melagukan ghazal itu sendiri mencipta keistimewaan dan signifikan yang sangat besar dalam seni ghazal. Kedua-duanya mampu berekspresi secara solo sehingga mampu mencetuskan satu pengalaman keabadian (*religious experience*) dan kerinduan untuk mengetahui siapa empunya anugerah keindahan seni tersebut. Inilah yang dikatakan perasaan intidiri yang akrab dengan konsep halus, seni dan indah (*al jamal*) yang mampu menampilkan nilai kesempurnaan mutlak al Khalik.

Bertolak daripada perasaan sedemikianlah, lahirnya satu perasaan keabadian terhadap Allah SWT dan memahami erti kebesaran-Nya. Ia memberi satu signifikan yang besar dalam diri manusia untuk mencari hubungan dirinya dengan Maha Pencipta.

Satu unsur dominan pada seni ghazal Melayu Johor yang sangat terkenal itu ialah penggunaan pantun-pantun Melayu lama/tradisional yang digunakan sebagai lirik lagu ghazal. Ia termasuklah pantun-pantun di dalam lagu ghazal yang sangat popular iaitu Seri Mersing karya Pak Lomak, perintis awal ghazal Melayu Johor.

Kehalusan dan keindahan pantun Melayu yang dinyanyikan sebagai lirik lagu ghazal sebenarnya adalah berasal usul daripada seni pantun Melayu itu sendiri. Apa yang cuba dilihat di sini ialah bagaimana pantun-pantun itu dibawa dalam bentuk lagu ghazal dengan cara nyanyian yang tersendiri. Ia mempunyai cara-cara alunan nyanyian yang dipanggil Parsi (merujuk kepada cara nyanyian atau lenggok lagu ghazal Parsi). Kebanyakan pantun-pantun ini menceritakan mengenai pengalaman hidup manusia, suka duka, rindu dan gembira. Antara pantun daripada lirik lagu Seri Mersing yang diminati ramai ialah;

*Seri Mersing lagulah Melayu
Dikaranglah oleh biduan dahulu
Hatiku rungsing bertambahlah pilu
Mengenangkan nasib daganglah piatu.*

Kekukuhan ekspresi manusia di dalam pantun ini menitip pada nasib dirinya sebagai seorang perantau yang kesepian, keseorangan di tempat orang. Betapa menangisi diri sebagai orang merantau itu dinyanyikan kepada apa yang ada di sekelilingnya yakni pendamping, alam sekitar. Kerana itu di dalam pantun-pantun Melayu umumnya, alam semula jadi menjadi bahan paling dominan untuk mengatur makna keseluruhan pantun,

bukan hanya sebagai pembayang, kadang kala pantun yang baik mengutip pengalaman peribadi manusia dan alam sekitarnya sebagai bahan ciptabina pantun keseluruhannya.

Nyanyian lagu ghazal secara melankolik menambahkan rasa rindu pada proses penghayatannya. Melihat kepada bentuk lirik pantun-pantun tersebut, sudah tentu ia akan kembali kepada makna kekuasaan Maha Pencipta kerana selain daripada manusia, alam semula jadi juga merupakan sesuatu yang indah, anugerah besar Tuhan kepada dunia.

Oleh kerana muzik itu tidak melihat semata-mata kepada muzik tetapi kepada nilai instrumen yang melengkapinya, keistimewaan lagu ghazal Urdu yang terdapat di India dan Pakistan mengungkap makna ekspresi pada bentuk nyanyian ghazal tersebut. Kalau lagu Melayu ghazal, antara keistimewaannya pada pantun-pantun Melayu lama sebagai liriknya, ghazal Urdu ternyata mempunyai signifikannya yang tersendiri.

Ekspresi nyanyian ghazal Urdu seperti melihat *the anguish cry* daripada seekor rusa yang cedera sambil mengenangkan nasibnya di tangan si pemburu yang berada di hadapannya. Tangisan sang rusa adalah tangisan memohon untuk dirinya dikasihani dalam keadaan garis ajal begitu dekat di depan mata. Seperti di dalam bukunya, *Feeling and Form, Langer* mengatakan bahawa *art is the creation of symbolic forms of human feeling*, maka nyanyian di dalam seni ghazal Urdu itu adalah ekspresi penuh simbolik yang menampilkan makna-makna yang sangat halus daripada puisi-puisi ghazal itu sendiri. Penyerapan makna puisi pada bentuk nyanyian mempertingkatkan penghayatan bukan sahaja kepada penyanyi malah kepada audien muzik ghazal itu sendiri.

Seorang penyanyi ghazal Urdu yang baik mampu memikat audien untuk bersama-sama merasai cinta yang diungkapkan melalui muzik dan nyanyiannya. Seperti satu sistem komunikasi, komunikan dan recipient saling melengkapi antara satu sama lain dengan pesan cinta yang disampaikan. Dan kedua-duanya beroleh keberuntungan atas keberhasilan inti cinta tersebut. Maka, sekaligus makna keindahan dan kehalusan anugerah Tuhan Maha Pencipta itu menyepuhi jiwa manusia-manusia tersebut.

Walaupun pengaruh lagu-lagu popular daripada filem-filem Hindustan sangat besar di Malaysia, perbezaannya dengan ghazal Urdu masih boleh dijelaskan. Lagu-lagu untuk filem Hindustan lebih bersifat komersial dan menggunakan bahasa Hindi sedangkan ghazal Urdu mempunyai nilai estetik dengan penggunaan bahasa Urdu yang sangat halus dengan ciptabina seni puisinya yang sangat tinggi dan dan cara nyanyiannya yang lebih halus dan melankolik.

Namun begitu, penghasilan muzik intidiri tidak hanya merujuk kepada muzik yang bersifat tradisional seperti seni muzik ghazal yang disebut di atas. Ada juga gubahan muzik moden yang mampu memberikan sesuatu yang luarbiasa di dalam perjalanan jiwa manusia mencari makna dirinya di mukabumi ini. Terdapat sebilangan ahli muzik muda yang mencuba menghasilkan bentuk muzik universal, contohnya *cross music* dengan menggabungkan ciri-ciri estetik yang tersendiri di dalam muzik pelbagai budaya dan bangsa

untuk mewujudkan satu isi pesan yang mampu diterima seluruh manusia jagat raya. Secara pokoknya, ekspresi yang diungkap itu mampu mencetuskan kesadaran mengenai harga keindahan itu sendiri, terutama dalam wahana halus yang sangat menyentuh seperti seni muzik.

KESIMPULAN

Hanya dua perkara yang akan membezakan manusia yang berjaya menemui intidiri dengan tidak. Manusia yang mencari dengan manusia yang alpa, manusia yang menyedari dengan manusia yang terlupa, manusia yang berisi dengan manusia yang kosong jiwa raga, manusia yang tahu menghargai dengan manusia yang mensesi-siakannya. Muzik intidiri adalah sebahagian, juga seluruh hidup manusia. Ia dilihat sebagai sesuatu yang merupakan hal yang sangat halus dan seni tetapi ia juga membawa makna anugerah Allah SWT pada makhluknya.

Ekspresi daripada jiwa yang jujur adalah keindahan yang abadi dan akan terakam detik nikmat akan rasa indah itu. Jiwa yang tidak tersentuh itu sebenarnya berpolemik dengan sebesar-besar anugerah Tuhan. Setiap manusia lahir dalam fitrah seni dalam diri masing-masing. Luahan dan pengucapan seni sangat penting sebagai komunikasi paling dekat dengan al Khalik.

Manusia mencari erti pesan Allah SWT kepada dirinya dan alam seluruhnya. Ini sejajar dengan aspek dijadikan manusia di mukabumi ini; sebagai abdi yang sujud kepada Penciptanya dan sebagai pemimpin diri dan orang lain di dunia. Mesej yang harus di mengerti olehnya bahawa ada Pencipta yang Esa, menganugerahkan makhluknya dengan pelbagai rahmat yang indah dalam hidup. Keindahan yang disatukan dengan kuasa dan keesaan Tuhan Rabbul alamin.

Apabila pengalaman indah itu meresap ke dalam jiwa, seharusnya ia menjadi sesuatu yang dinikmati dan disyukuri dan menghubungkan manusia lebih akrab dengan Penciptanya.

Ekspresi diri secara langsung mencari hikmah kewujudan manusia dan ia bersifat menjangkau sebagai keseluruhan makna komunikasi yang lebih hakiki. Ia adalah daripada hidup manusia dan kehidupannya. Semakin mengenal diri, manusia akan faham kenapa ia bernafas sehingga kini. Sesungguhnya, segala-galanya bertolak daripada cinta kepada yang dicintai, Tuhan Maha Suci kepada makhluknya, manusia kita ini.

NOTA

- [1] Muhammad Esmaeili, 70, pemain *tombak/zarb* (sejenis alat gendang) dari Iran. Beliau adalah pemain muzik kumpulan Payvar and his Ensemble yang sangat terkenal di negaranya. Esmaeili telah bermain muzik lebih daripada 50 tahun. Menurutny, setiap kali dia memainkan alat muzik, hatinya merasa amat dekat dengan Allah SWT. Apabila ada hubungan akrab dan murni dari hati kepada hati (pemuzik kepada audien), sifat keindahan Tuhan yang dicetuskan di hati manusia akan terserlah. Muzik yang menjadi ekspresi komunikasi itu dengan sendirinya menjadi satu seni yang sangat indah.
(petikan daripada temubual penulis dengan Muhammad Esmaeili sewaktu Festival Ghazal Sedunia, 4-11 Disember 1996, Kota Tinggi, Johor)
- [2] Satish Babbar merupakan penyanyi ghazal dari India yang sangat terkenal. Beliau banyak terbabit dengan dokumentasi siri ghazal di tv dan radio di negaranya. Nyanyian dan cara komunikasinya dengan audien ketika persembahan memaparkan ekspresi rindu yang sangat indah (walaupun adakalanya nyanyian ghazal dalam bahasa Urdu itu tidak mampu difahami secara harafiah).
(petikan daripada temubual penulis dengan Satish Babbar sewaktu Festival Ghazal Sedunia, 4-11 Disember 1996, Johor Bahru, Johor)
- [3] Drs. Irwansyah Harahap, MA, pemain gambus/oud dari Medan, Sumatera, Indonesia. Mempelajari seni muzik India, Parsi dan Pakistan sewaktu menuntut di Amerika Syarikat. Beliau sedang mengusahakan satu bentuk *cross music* yang turut mengambil intipati rentak-rentak irama Melayu asli sebagai unsur utama. Kini mengajar di Jurusan Etnomuzikologi, Fakultas Sastra, Universitas Sumatera Utara, Medan.
(petikan temubual penulis dengan Drs. Irwansyah Harahap, MA, sewaktu Pesta Gendang Nusantara II, 1-4 Mei 1997, Muara Sungai Duyung, Melaka)

BIBLIOGRAFI

- Dwight, Allen Warren. 1962. *Philosophies Of Music History, A Study of General Histories of Music. (1600-1960)*. New York: Dover Publications.
- Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsuddin. *Konsep Seni Dalam Islam. Khazanah: Siri Dokumentasi Akademi Pengajian Melayu*. Bil. 7, 1992. Akademi Pengajian Melayu., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Erguner, Kudsi. "Perjalanan Sufi," di dalam *Kurier UNESCO* (edisi Bahasa Melayu). Bil. 7, 1996. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fadlin Ja'far, Drs., "Penggunaan Pantun, Tari dan Muzik sebagai Sistem Komunikasi Pada Konteks Upacara Perkahwinan Dalam Kebudayaan Melayu Sumatera Timur," Pembentangan Kertas Kerja Seminar Gendang Nusantara. Diselenggarakan oleh Lembaga Bahasa Melayu Melaka sempena Pesta Gendang Nusantara II, di Melaka pada 1-4 Mei 1997.
- Farmer, Henry George. 1967. *A History Of Arabian Music*. London. Luzac & Co. Ltd.
- Fink, Robert. 1981. *The Origin Of Music*. Canada: The Greenwich Meridian Co.,
- Halliday, F.E. *Five Arts*. 1995. London: Gerald Duckworth & Co. Limited.
- Hamidah AbdulHamid. 1995. *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

- Junst, Jaap. 1959. *Ethnomusicology, A Study of Its Nature, Its Problem, Methods, and Representatives*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Leca, Marti. 1996. "Membuat Orang Lain Gembira," di dalam *Kurier UNESCO* (edisi Bahasa Melayu). Bil. 1, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Majalah Al Islam. Bil. 282. Jun 1997. Terbitan Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., Kuala Lumpur.
- Majalah Dakwah. Bil. 241. Jun 1997. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Mana Sikana. 1996. *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Matusky, Patricia. 1989. "Alat-Alat dan Bentuk-bentuk Muzik Tradisi Masyarakat Melayu" di dalam *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Mohd. Taib Osman (penyelenggara). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka,
- McEwen, John B. 1912. *Thought In Music*. Macmillan And Co. Ltd., London.
- Muhammad Takari, "Seni Pertunjukan Sebagai Ekspresi Komunikasi Pada Kebudayaan Masyarakat Nusantara," Pembentangan Kertas kerja Seminar Gendang Nusantara. Diselenggarakan oleh Lembaga Bahasa Melayu Melaka sempena Pesta Gendang Nusantara II, di Melaka pada 1 hingga 4 Mei 1997.
- Oman Bakar. 1996. *Al Farabi: Kehidupan, Hasil Karya dan Peri Penting Tokoh*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rohaya Ahmad. 1986. *Ghazal Melayu Johor: Satu Kajian Dalam Konteks Kebudayaan*. Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Sastera (tidak diterbitkan). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wong Yoong Jin. Laporan Festival Ghazal Sedunia (tidak diterbitkan) di Johor Bahru pada 4-11 Disember 1996.